

13 NOV 2001

ORANG ASLI-BANGLO

ORANG ASLI BUKIT LANJAN TERIMA BANGLO

PETALING JAYA, 13 Nov (Bernama) -- Sepuluh orang wakil masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan akan menerima kunci untuk banglo mereka dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi pada Jumaat ini.

Penyerahan kunci itu bukan sahaja menjadikan penduduk Orang Asli Bukit Lanjan memiliki aset bernilai paling tinggi di negara ini, tetapi juga sebagai menandakan kejayaan perkongsian pintar antara dunia korporat dan penduduk kampung yang sebelum ini agak ketinggalan dari arus pembangunan perdana.

Sebanyak 147 ketua isi rumah layak menerima banglo tersebut tetapi hanya 134 yang menandatangani perjanjian pakej penyelesaian kerana 13 yang lain masih tidak bersetuju dengan pampasan yang diberikan.

Pakej penyelesaian yang ditawarkan kepada Orang Asli itu berbentuk rumah banglo, rumah teres, rumah pangsa, Amanah Saham Bumiputera dan wang tunai, dan apa yang diterima adalah mengikut kelayakkan seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung serta Lembaga Adat Orang Asli Bukit Lanjan.

Bagi yang telah menandatangani perjanjian penyelesaian dengan Saujana Triangle Sdn Bhd boleh menerima kunci sebenar ke banglo mereka pada hari berikutnya, kata Pengurus Hal-Ehwal Pembangunan Orang Asli Saujana Triangle, Wan Rashidi Wan Ibrahim kepada pemberita dalam satu taklimat hari ini.

Hubungan antara Saujana Triangle Bhd, salah satu syarikat dalam kumpulan pemaju hartanah MK Land Holdings Bhd, dengan orang asli Bukit Lanjan bermula apabila syarikat tersebut diberi milik bekas tanah rizab Orang Asli Bukit Lanjan seluas 641.1 ekar oleh Kerajaan Negeri Selangor pada Mac 1995 bagi balasan bayaran sebanyak RM91.8 juta.

Dari jumlah bayaran itu, sebanyak RM60.9 juta diperuntukkan untuk pembangunan rumah-rumah dan kemudahan infrastruktur bagi masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan dan RM7.9 juta lagi untuk tabung pelajaran anak-anak mereka, kata beliau.

Setakat ini sebanyak RM39.2 juta atau 64 peratus dari jumlah peruntukkan tersebut telah dibelanjakan untuk membina 147 unit banglo (RM15.97 juta), pampasan tanaman yang diusahakan (RM8.568 juta) dan pelaburan Amanah saham Bumiputra (RM6.03 juta), kata Wan Rashidi.

Bagi Orang Asli asal yang tinggal di Bukit Lanjan yang dikategorikan sebagai Kumpulan A, penerima tertinggi dalam pakej penyelesaian itu menerima RM1.085 juta dan yang paling rendah ialah RM690,950.

Beliau berkata setakat ini, 141 unit dari 147 unit banglo yang diperuntukkan kepada orang asli tersebut telah siap dibina atas lot berkeluasan antara 7,275 - 10,000 kaki persegi.

Enam buah lagi hanya akan dapat disiapkan tahun depan, tambah beliau.

Rata-rata Orang Asli yang ditemui menyambut baik program itu.

Tok Batin Ismael Chat berkata dengan pengalaman empat tahun tinggal di rumah panjang sementara, penduduk sudah faham mengenai keperluan dan cara hidup di rumah banglo yang akan mereka nikmati mulai hujung minggu ini.

Kebanyakannya telah biasa dan tidak rimas dengan kehidupan moden, kata beliau ketika ditemubual wartawan di hadapan banglo beliau yang telah siap.

Sementara itu Aslian Pios, 34, setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung, berkata Orang Asli Bukit Lanjan memang lebih maju daripada Orang Asli ditempatkan lain kerana mereka lebih terdedah kepada masyarakat lain, tetapi kemajuan seperti ekonomi, pendidikan dan kerohanian perlu

dilaksanakan secara berperingkat dan mengambil sedikit masa. -- BERNAMA
MSL ZK